

18 NOV 2000

PM LANCAR LAMAN WEB UMNO SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG KHAS

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan laman web Umno, www.umno-online.com sempena perhimpunan agung khas Umno bagi meminda perlembagaan parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut melayari laman web itu dengan ditemani Timbalan Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Tan Sri Khalil Yaakob.

Laman itu antara lain mengandungi maklumat lengkap dan terkini mengenai Umno termasuk sejarah, perlembagaan, struktur pentadbiran parti, berita semasa dan laman sembang.

Selain itu, Dr Mahathir turut melancarkan pameran seni khat anjuran Imad's Art Sdn Bhd, syarikat yang diterajui penyanyi lagu-lagu dakwah, Imad.

Selepas melawat pameran hasil-hasil seni, Perdana Menteri turut menyaksikan cara-cara seni khat dihasilkan.

-- BERNAMA
MAM MAM LAT